



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

*Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya*

*Telefon: 03-88832533
Fax : 03-88895245*

Ruj. Kami : KKM BKP.100-1/9/1(24)
Tarikh : 18 Februari 2014

**Semua Ketua Program
Semua Pengarah/Setiausaha Bahagian
Semua Pengarah Kesihatan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/Dr./Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN KETUA SETIAUSAHA BIL. 1 TAHUN 2014
- MEMBUAT PERNYATAAN AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Dr./To' Puan/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Sejak akhir-akhir ini, terdapat pegawai-pegawai KKM yang telah mengeluarkan kenyataan akhbar tanpa kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan / Ketua Setiausaha / Ketua Pengarah Kesihatan. Perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan sekiranya pernyataan berkenaan bercanggah dengan pernyataan yang akan dibuat oleh pihak atasan. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Dr./To' Puan/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memberi perhatian ke atas perkara **19 (2) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2002** yang menjelaskan peraturan mengenai perkara-perkara berikut:

Seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain –

- (a) membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;*
- (b) memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi Kerajaan;*
- (c) memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau*
- (d) menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain,*

*melainkan **jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, telah diperoleh terlebih dahulu daripada Menteri.***

3. Sehubungan itu, semua pihak adalah diminta untuk mematuhi peraturan ini dengan **mendapatkan kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus terlebih dahulu daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan (YBMK).** Perkara-perkara berkaitan Dasar Perkhidmatan/Pengurusan perlu mendapat perakuan daripada KSU manakala bagi perkara-perkara berkaitan Dasar Kesihatan perlu mendapat perakuan daripada KPK sebelum diangkat untuk kelulusan YBMK.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/To' Puan/ Dr./Tuan/Puan untuk memaklumkan peraturan ini kepada pegawai di bawah seliaan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK FARIDA MOHD ALI)

s.k. :

Yang Berhormat Menteri Kesihatan

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan

Ketua Pengarah Kesihatan